

PPIB sambut Hari Malaysia dengan citra etnik

UB 1.10.18 B1

Oleh HENRY BATING

MAJLIS Keraian dan Sambutan Hari Malaysia Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Khamis lalu menampilkan tema etnik yang menggambarkan kepelbagaian bahasa antarabangsa dan tempatan yang ditawarkan di pusat itu.

Dekan PPIB Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Madya Dr Jualang @ Azlan Gansau menyifatkan sambutan itu sebagai amat



HIDANGAN tradisi etnik tempatan dan antarabangsa.

signifikan bagi menghargai makna Hari Malaysia di samping merai staf yang

berulang tahun Julai-Ogos serta kesyukuran beberapa staf yang baru pulang dari



JUALANG (tengah) bersama staf PPIB ketika sambutan Hari Malaysia.

ibadah haji.

“Sambutan seumpama ini adalah yang pertama bercitra etnik sejak saya menjadi dekan pusat ini dua tahun lalu,” katanya.

Citra etnik ditampilkan melalui pakaian tradisi dalam dan luar negara dalam kalangan staf beserta hidangan tradisi setempat dan pelbagai negara.

Sambutan dianjurkan Kelab Kebajikan dan Rekreasi PPIB (Karib) yang dipengerusikan Budianto Mohd Tamring.

Antara makanan tradisi

etnik yang dihidangkan ialah brongko, kuih kocong, sate, kuih bulan, kimchi, Natilla-Sepanyol, pecal, thosai, ais krim Malaysia, nasi kerabu dan linopot.